

Headline	193 usahawan Daro terima bantuan RM8 juta		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Jul 2018	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	205 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 671
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,013



## 193 usahawan Daro terima bantuan RM8 juta

**KUCHING:** Seramai 193 usahawan dari kawasan Daro yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana (IKS) telah mendapat bantuan berjumlah RM8 juta daripada pelbagai agensi kerajaan pada 2017.

Menteri Muda Usahawan dan Pembangunan Perusahaan Kecil & Sederhana (IKS) dan Menteri Muda E-Dagang, Datuk Mohd Naroden Majais berkata bantuan itu merupakan dari agensi seperti MARA, SME, Jabatan Pertanian Sarawak, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Menurutnya, bantuan ini disalurkan daripada pelbagai program pembangunan usahawan yang telah dirancang oleh kerajaan negeri untuk industri IKS di kawasan berkenaan.

Bagi SEDC, Naroden mendedahkan lima jenis Skim disediakan iaitu Skim Niaga Fest (had maksimum RM1,000 tanpa faedah), Skim Niaga Jaya (had maksimum RM10,000 tanpa faedah), Program Pembangunan Usahawan Kotej (had maksimum RM20,000 tanpa faedah), Skim Niaga Perdana (had maksimum RM50,000 dengan kadar faedah 2 peratus dan Program peningkatan usahawan (PUTERA) - bantuan geran peralatan dan mesin perniagaan (had maksimum RM5,000).

Selain itu, Naroden juga memberitahu, Jabatan Pertanian (DOA) juga menyediakan bantuan melalui Peogran Pembangu-

nan Industri Makanan dan Projek Pembangunan Keusahawanan - Geran dan Insentif (RM7,000 hingga RM80,000 tertakluk kepada tahap keusahawanan). Manakala, katanya, MARA menyediakan pinjaman dengan had pembiayaan maksimum RM500,000 dengan faedah 4 peratus setahun di bawah

Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPIM).

Beliau juga menyatakan MIED juga menyediakan Skim Pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (SPIKS) - had pinjaman pembiayaan maksimum RM250,000 dengan faedah 4 peratus setahun.

"Selain itu, kerajaan juga menganjurkan kursus, latihan, program, jeyawara, program promosi dan pemasaran untuk usahawan di kawasan luar bandar termasuk Daro Melalui agensi kerajaan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan yang dikemukakan menjawab dari ADUN N43 Daro, Safiee Ahmad mengenai bentuk bantuan serta jumlah yang telah diberi dan diluluskan kepada usahawan khususnya yang terlibat dalam industri IKS di daerah Daro pada Mesyuarat Pertama bagi Penggal Ketiga Dewan Undangan

Negeri (DUN) Sarawak Ke-18 semalam.

Dalam pada itu, Naroden juga mendedahkan bagi tahun 2017, bantuan kewangan sejumlah RM556.3 juta telah diluluskan untuk usahawan di seluruh Sarawak melalui Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan (MIED), Majlis Amanah Rakyat (MARA), TEKUN, Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).